



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENCI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)

www.mqa.gov.my

OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

MQA Malaysia (@MQAMalaysia)

MQA_Malaysia



Tel : +603-7968 7044 | Faks : +603-7954 7125

Flexible Education. Beyond Borders. Creating The Future

Ruj. MQA : MQA.600-2/1/6 Jld. 71 (24)

Tarikh 29 Mac 2017

Ketua Eksekutif
Asia e University (AeU)
Tingkat bawah, Blok Utama
Dataran Kewangan Darul Takaful
No.4, Jalan Sultan Ibrahim
50000 KUALA LUMPUR



Tuan,

PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA BAGI PROGRAM 'BACHELOR OF ENTREPRENEURSHIP IN DESIGN (HONS)' (MQA/PA 8218)

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) yang bermesyuarat pada 28 Februari 2017 telah menimbangkan permohonan untuk mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara bagi program tersebut di atas.

3. Selaras dengan Seksyen 39 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, MQA telah memutuskan untuk memberi Perakuan Akreditasi Sementara selama dua tahun bermula dari tarikh surat ini.

4. Pihak tuan perlu mengemukakan bukti pematuhan syarat-syarat Perakuan Akreditasi Sementara seperti yang dinyatakan di perkara 3 dan 4 Lampiran A dalam tempoh satu tahun dari tarikh surat ini. Kegagalan pihak tuan mengemukakan dokumen dalam tempoh atau gagal mematuhi syarat yang ditetapkan akan menyebabkan Perakuan Akreditasi Sementara dibatalkan.

5. Permohonan Akreditasi Penuh hendaklah dikemukakan kepada MQA sebelum kohort pertama pelajar memulakan semester akhir program. Pihak MQA boleh melaksanakan pemantauan program tersebut dalam tempoh Perakuan Akreditasi Sementara diberikan.

6. Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan menghubungi Pn. Suhana Ramli di talian 03-7968 8054 atau e-mel: suhanaramli@mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang ikhlas,

(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

NO GIFT POLICY

**s.k.: Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 KUALA LUMPUR**

Fail MQA. 600-2/2/5692

PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA

1. No. Rujukan Program : MQA/PA 8218
2. Maklumat Program
- Nama Program
 - Nama Dimohon : *Bachelor of Entrepreneurship in Design (Hons)*
 - Nama Diperakukan : *Bachelor of Arts (Honours) in Graphic Design*
 - Tahap Program : Ijazah Sarjana Muda/ Tahap 6
Kerangka kelayakan Malaysia (KKM)
 - Nama dan Alamat PPT : Asia e University (AeU)
Tingkat bawah, Blok Utama
Dataran Kewangan Darul Takaful
No.4, Jalan Sultan Ibrahim
50000 Kuala Lumpur
 - Bidang Program : 214 – *Design*
 - Bahasa Pengantar : Bahasa Inggeris
 - Kaedah Penawaran : *Open and Distance Learning (ODL)*
 - Mod Program : Separuh masa
 - Kaedah Pengajaran : Kuliah, Tutorial, Praktikal dan Latihan Industri
 - Taraf Pelaksanaan : Sendiri
 - Kredit Bergraduat : 120 kredit
 - Tempoh Program :

	Separuh masa	
	Semester Panjang	Semester Pendek
Bil. Minggu*	14	-
Bil. Semester	10	-
Bil. Tahun	4 tahun 4 bulan	

*termasuk minggu peperiksaan dan minggu ulangkaji

- Institusi Penganugerahan: Asia e University (AeU)
- Kelayakan Masuk:

- i. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya lulus penuh NGMP 2.00 dalam 2 mata pelajaran; atau
- ii. Lulus *A-Level* dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam 2 mata pelajaran; atau
- iii. Lulus *Unified Examination Certificate* (UEC) dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 5 mata pelajaran; atau
- iv. Lulus *Foundation/Persediaan* asas, Matrikulasi atau *pre-university* dari mana-mana universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
- v. Lulus *International Baccalaureate* (IB) Diploma dengan mendapat sekurang 24 point; atau
- vi. Lulus Diploma (Tahap 4, KKM) dalam bidang berkaitan dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dari mana-mana universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau
- vii. Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.

Dan

Lulus ujian melukis/portfolio/temu duga bagi calon yang tidak mempunyai kelulusan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni atau berkaitan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setara dengannya.

3. Syarat-syarat Umum:

- 3.1 Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dinasihatkan untuk memohon kelulusan pengendalian program daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (JPT, KPT).
- 3.2 PPT hendaklah meningkatkan kualiti pengendalian program sedia ada dari semasa ke semasa.
- 3.3 Memastikan program yang ditawarkan memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia.
- 3.4 Mematuhi Penggunaan / Pemakaian Standard yang berkaitan dengan bidang program seperti yang telah dimaklumkan dalam Pekeliling dan Surat Pekeliling Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) yang berkenaan.
- 3.5 Syarat khusus di perkara 4 hendaklah dipatuhi sebelum program dimulakan. Pihak MQA akan membuat penilaian semula untuk menentukan syarat khusus berkenaan dipatuhi sepenuhnya.
- 3.6 PPT dikehendaki membayar fi sebanyak **RM 250.00** kepada MQA semasa permohonan penilaian pemantauan syarat khusus Perakuan Akreditasi Sementara ini.
- 3.7 Sebarang perubahan pelaksanaan program (jumlah kredit, tempoh program, pengajaran dan pembelajaran serta lain-lain yang berkaitan) perlu mendapat kelulusan daripada JPT, KPT terlebih dahulu sebelum perubahan tersebut

dapat dilaksanakan oleh PPT bagi mengelakkan masalah semasa penilaian program di peringkat Akreditasi Penuh.

4. Syarat Khusus:

4.1 Melantik dan memastikan penglibatan *external examiner* untuk menilai kualiti program yang ditawarkan.

5. Cadangan Penambahbaikan: Tiada.